

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF  
RAWA [ PARIT BUNTAR ]**

**TARIKH : 14 DISEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK SERI DR. MUJAHID BIN YUSOF RAWA [ PARIT BUNTAR ]** minta **MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT** menyatakan apakah usaha Kementerian semasa untuk menangani masalah perkahwinan bawah umur terutamanya apabila perkahwinan bawah umur ini melibatkan masalah kemiskinan dan keciciran pendidikan.

**JAWAPAN**

**Tuan Yang di-Pertua,**

Seperti mana Yang Berhormat sedia maklum, Pelan Strategi Kebangsaan Menangani Perkahwinan Bawah Umur telah menggariskan usaha-usaha serta strategi untuk menangani punca perkahwinan bawah umur. Antara punca yang telah dikenal pasti adalah kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan.

Dalam Pelan tersebut, antara strategi yang telah dikenal pasti bagi menangani kemiskinan adalah menyediakan bantuan kewangan mengikut kumpulan umur kanak-kanak, meningkatkan akses kumpulan B40 kepada pengasuhan dan pendidikan awal kanak-kanak, serta memperkuuhkan penyelarasan dan penumpuan kepada sokongan sosioekonomi dan program jangkauan (*outreach*) sedia ada.

Pelan itu turut menyentuh tentang usaha Kerajaan untuk menangani isu keciciran daripada pendidikan dengan merangka empat (4) strategi iaitu meningkatkan kesedaran ibu bapa tentang kepentingan pendidikan terhadap kanak-kanak, menambah baik sistem perundangan mengenai pendidikan sedia ada, menambah baik dasar dan juga perundangan mengenai pendidikan, serta mempertingkat sistem sokongan bagi menangani isu kekurangan akses kepada pendidikan dan kehadiran ke sekolah yang rendah yang menjadi salah satu penyumbang kepada perkahwinan bawah umur.

Dalam hal ini, Kementerian Kewangan, Kementerian Pembangunan Luar Bandar, Kementerian Pendidikan, Kementerian Belia dan Sukan, Jabatan Kebajikan Masyarakat, Jabatan Pembangunan Wanita, serta Unit Penyelarasian Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri merupakan antara kementerian dan agensi yang terlibat dalam usaha menangani masalah kemiskinan dan keciciran dalam pendidikan seperti yang telah dinyatakan dalam Pelan ini.